



Ruj. Kami: USB.01/02.01/12.12/1/3Jld.2(28)

6 Julai 2012

**Staf UTMSPACE**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,

**KURSUS TEAMBUILDING UTMSPACE 2012 SIRI PENGURUSAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **UTMSPACE** akan mengadakan Kursus Teambuilding khusus untuk staf **UTMSPACE** pada tahun 2012. Antara objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan keyakinan semua staf **UTMSPACE** dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di dalam organisasi, mewujudkan sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan mengeratkan silaturrahim di antara staf.

3. Kursus Teambuilding **Siri Pengurusan** ini akan diadakan pada **22-24 September 2012** bertempat di **Lubok Merekek, Taman Negara Endau Rompin, Bekok, Segamat**. Setiap staf adalah **DIWAJIBKAN** mengikuti kursus ini seperti yang dinyatakan dalam senarai dilampirkan. **KEGAGALAN mana-mana staf daripada mengikuti kursus ini akan memberi kesan kepada penilaian prestasi tahunan individu**.

4. Kehadiran saudara dalam kursus ini merupakan urusan rasmi. Oleh itu, mohon kerjasama untuk memastikan saudara tidak terlibat dengan urusan rasmi lain sepanjang tempoh kursus berkenaan. Bersama dengan ini di lampirkan **senarai nama, maklumat penting berkaitan kursus, aturcara program** dan **senarai keperluan yang perlu dibawa** semasa mengikuti kursus tersebut.

Sekian harap maklum.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"**

Yang benar,

**PROF. DR. KHAIRUL ANUAR BIN ABDULLAH**

Pengarah Urusan / Dekan  
**UTMSPACE**

- : 07-521 8120
- : 07-520 5725
- : [khairulabdullah@utmspace.edu.my](mailto:khairulabdullah@utmspace.edu.my)

NMNH 219575